



BULETIN

MPSP

Majlis Perbandaran Seberang Perai

BIL. 3/2016



SIDANG REDAKSI

PENAUNG
YBHG. DATO' MAIMUNAH MOHD. SHARIF
(YANG DIPERTUA)

PENASIHAT
TUAN Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
(SETIAUSAHA PERBANDARAN)

KETUA EDITOR
ENCIK WAN JUNAIDY BIN YAHAYA

EDITOR
PUAN SALEMAH BINTI AYOB
JAWATANKUASA BULETIN MPSP

JURUGAMBAR
ENCIK MOHD FAIZ BIN ABDUL HALIM
ENCIK MOHD FAKHREES BIN MOHD ALI

Kandungan

1. Majlis Penyerahan Sijil The Malaysia Book Of Records
The Malaysia Book of Records Certificate Awarding Ceremony
2. Majlis Perasmian Projek Pengkomposan Taman Pandan Butterworth
Opening Ceremony for Taman Pandan Composting Project Butterworth
3. Majlis Pelancaran Projek Sisa Sifar Taman Bagan Lalang
Launching Ceremony of Taman Bagan Lalang Project Zero Waste
4. Majlis Perasmian Seberang Perai Fiesta 2016
Seberang Perai Fiesta 2016 Opening Ceremony
5. Majlis Perasmian Projek Penanaman Pokok Bersama Kelab Lion
Opening Ceremony of Tree Plantation Project with Lion Club
6. JCI Malaysia Area Peninsular North Peace Is Possible Ceremony
7. Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca Pangsapuri Permata & Seberang Jaya Sihat
Briefing of Segregation of Waste at Source at Permata Apartment & Seberang Jaya Sihat
8. Majlis Penyerahan Kotak Kitar Semula Kepada Sekolah Hijau Daerah SPU & SPT
Ceremony of Handing Recycle Boxes to Green Schools in SPU & SPT District
9. Fun Ride Bagan 1.0 2016
10. Majlis Perasmian Pusat Pengumpulan Kitar Semula Taman Pekatra Indah SPS
Opening Ceremony of Taman Pekatra Indah SPS Recycling Collection Centre
11. Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca Kadun Sungai Dua
Launching Ceremony of Segregation of Waste at Source Program at Kadun Sungai Dua
12. Kejohanan Boling Sempena Sambutan Harijadi Ke-78 TYT Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang
Bowling Tournament in Conjunction with TYT Yang Di-Pertua Negeri Penang 78th Birthday Celebration
13. Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2016/17
Launching Ceremony of Sustainable Community Award 2016/2017
14. Majlis Pecah Tanah Projek Naiktaraf Project Park Lebuh Benggali
Groundbreaking Ceremony for Lebuh Benggali 'Pocket Park' Upgrade
15. Majlis Penutup Sesi Pembentangan Projek Penyertaan Rakyat "Projek Kita"
Community Participation Project 'Projek Kita' Presentation Session Closing Ceremony
16. BM Charity Ride 2.0
17. MPSP Tower Run
18. Seberang Perai International Conference on EcoTourism Conservation 2016 (SPICEC 2016)
19. Majlis Perasmian Laluan Pejalan Kaki Dan Program Hebahan Dan Kesedaran Keselamatan Program Bandar Selamat 2016
Launching Ceremony of Walkway and Announcement Programme and Safe City Safety Awareness Programme 2016
20. Karnival Haiwan Kesayangan 'Love Your Paws' sempena Car Free Morning

MAJLIS PENYERAHAN SIJIL THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS



Majlis Penyerahan Sijil The Malaysia Book Of Records (MBR) telah diadakan pada 8 September 2016 bertempat di Hotel Ixora, Perai.

MPSP merupakan PBT pertama yang mendapat enam (6) persijilan Sistem Pengurusan Kualiti iaitu Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS), Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS), Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:2011 (EnMS), Sistem Pengurusan Persekitaran Berkualiti 5S (QEMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO/IEC 27001:2013 (ISMS).

Majlis penyerahan ini telah disempurnakan oleh YB Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang). En. Christopher Wong Hong Wai (Pengarah Operasi Malaysia Book Of Records) telah menyerahkan Sijil MBR kepada Yang Dipertua MPSP dengan disaksikan oleh YB Timbalan Ketua Menteri II. Turut hadir adalah Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Perbandaran dan kakitangan MPSP.

THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS CERTIFICATE AWARDING CEREMONY

The Malaysia Book of Records (MBR) Certificate Awarding Ceremony has been held on the 8th September 2016 at Ixora Hotel, Perai.

MPSP is the first local authority to receive six (6) certifications in Quality Management Systems, namely Quality Management System ISO 9001:2008 (QMS), Environmental Management System ISO 14001:2004 (EMS), Occupational Health and Safety Management System OHSAS 18001:2007 (OSHMS), Energy Management System ISO 50001:2011 (EnMS), Quality and Environmental Management System 5S (QEMS) and Information Security Management System ISO/IEC 27001:2013 (ISMS).



This awarding ceremony has been graced by YB Prof. Dr. P. Ramasamy (Penang Deputy Chief Minister II). Mr. Christopher Wong Hong Wai (Malaysia Book of Records Operations Director) presented the MBR Certificate to Yang Dipertua MPSP, witnessed by YB Deputy Chief Minister II. Also present were councillors, the Municipal Secretary, and MPSP staffs.

MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENGKOMPOSAN TAMAN PANDAN BUTTERWORTH



Majlis Perasmian Projek Pengkomposan Taman Pandan telah diadakan pada 10 September 2016 bertempat di Rumah Kelab Taman Pandan oleh YB Tuan Phee Boon Poh (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar)

Projek pengkomposan di Taman Pandan telah bermula sejak tahun 2002. Dalam majlis yang sama, Pusat Pengkomposan Taman Pandan Butterworth juga telah dirasmikan. Turut hadir YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Encik Teoh Soon Thiam (Timbalan Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Pandan) serta para penduduk.

OPENING CEREMONY FOR TAMAN PANDAN COMPOSTING PROJECT BUTTERWORTH

Opening ceremony for Taman Pandan Composting Project has been held on 10th September 2016 at Taman Pandan Club House by YB Phee Boon Poh (Member of State Executive Council cum President of Welfare Committee, Caring Society and Environment)

The project has been started since year 2002. In the same ceremony, Composting Centre Taman Pandan Butterworth has been launched. Also present were YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Mr. Teoh Soon Thiam (Vice-president of Taman Pandan Management Corporation), and residents.



MAJLIS PELANCARAN PROJEK SISA SIFAR TAMAN BAGAN LALANG

Majlis Pelancaran Projek Sisa Sifar Taman Bagan Lalang, Butterworth telah diadakan di Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang pada 11 September 2016. Pelancaran telah disempurnakan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Syarikat I Seek Nature Sdn. Bhd. telah memberikan sebuah mesin kompos kepada Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang. Pihak MPSP turut membekalkan bekas 5 liter kepada penduduk bagi mengisi sisa organik dan hantar ke pusat ini untuk tujuan pengkomposan. Manakala, Syarikat Flatbusta Asia Pacific Sdn. Bhd. juga menyumbang bekas mengisi minyak terpakai bagi membantu aktiviti pengumpulan minyak masak terpakai. Minyak terpakai ini akan diproses menjadi biodiesel.



LAUNCHING CEREMONY OF TAMAN BAGAN LALANG PROJECT ZERO WASTE

Launching ceremony of Taman Bagan Lalang Project Zero Waste, Butterworth has been held at Taman Bagan Lalang Environmental Resource Centre on the 11th September 2016. The launch has been graced by YAB Penang Chief Minister. The company I Seek Nature Sdn. Bhd. has given a composting machine to Taman Bagan Lalang Environmental Resource Centre.

MPSP, on the other hand, provided 5 litre-container to the residents to fill in organic waste and later on, to be send to the centre to be composted. Besides that, the company Flatbusta Asia Pacific Sdn. Bhd. also contributed a used oil container to facilitate the activity of collecting used cooking oil. This used cooking oil will be processed into biodiesel.



MAJLIS PERASMIAN SEBERANG PERAI FIESTA 2016



Seberang Perai Fiesta 2016 adalah acara yang julung kali diadakan di Seberang Perai. Ia merupakan gabungan 3 pesta iaitu Agro Fest, Food Mega Festival, Tanjung Art Fest 2.0. Fiesta ini berlangsung dari 14 September sehingga 18 September 2016 bertempat di Tapak Ekspo Seberang Jaya. Majlis Perasmian telah diadakan pada 15 September 2016 yang disempurnakan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng (Ketua Menteri Pulau Pinang). Pelbagai pertandingan dan pameran agensi kerajaan telah diadakan. Selain daripada pertandingan karaoke, pelbagai pertandingan telah diadakan di Seberang Perai Fiesta 2016 seperti Pertandingan Ikan Hiasan Guppy, Pertandingan Gubahan Sirih Hantaran, Pertandingan Gubahan Bunga Segar, Pertandingan Kambing Pejantan Unggul, Pertandingan Ayam Serama, Pertandingan Kerabu buah-buahan tempatan, Cat Fest 2016, Pertandingan Memancing dan Pertandingan Masakan Gulai Nangka.



SEBERANG PERAI FIESTA 2016 OPENING CEREMONY

Seberang Perai Fiesta 2016 was the first time event held in Seberang Perai. It was a combination of 3 fests, namely Agro Fest, Food Mega Festival and Tanjung Art Fest 2.0. This fiesta took place from 14th September until 18th September 2016 at Seberang Jaya Expo Site. The opening ceremony was held on 15th September 2016 and was graced by YAB Sir Lim Guan Eng (Chief Minister of Penang). Various competitions and exhibitions by government agencies have been held. Apart from karaoke competition, other competitions held at the Seberang Jaya Fiesta 2016 included Guppy Fish Competition, Sirih Hantaran Arrangement Competition, Fresh Flower Arrangement Competition, Pejantan Unggul Goat Competition, Serama Chicken Competition, Local Fruits Kerabu Competition, Cat Fest 2016, Fishing Competition and Jackfruit Curry Cooking Competition.



MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENANAMAN POKOK BERSAMA KELAB LION

Majlis Perasmian Projek Penanaman Pokok Bersama Kelab Lion diadakan di Persimpangan Jalan Song Ban Kheng - Jalan Binjai, Taman Sri Rambai pada tarikh 18 September 2016. Majlis ini turut dihadiri oleh Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong dan juga Yang Berbahagia Dato' Alvin Lim Teng Hoo. Bagi makluman semua, ini adalah antara salah satu projek alam sekitar oleh Kelab Lion Tanjung. Sebanyak 100 pohon pokok akan ditanam di Jalan Song Bang Kheng. Walaubagaimanapun, hanya 50 pohon pokok *raintree* akan ditanam pada hari ini, dan selebihnya akan ditanam pada bulan Oktober 2016. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perhutanan Pulau Pinang kerana menyumbangkan 50 pohon pokok *raintree*. Kelab Lion juga merupakan rakan kongsi yang aktif bersama MPSP bagi menjayakan program alam sekitar seperti menaja Anugerah Kitar Semula Sekolah Tadika dan Anugerah Komuniti Mampan 2015. Setakat ini, jumlah pokok yang telah ditanam sejak tahun 2008 sehingga 31 Ogos 2016 oleh MPSP ialah 10,658 pohon pokok, pihak pemaju 51,800 pohon pokok dan oleh orang ramai (Program kemasyarakatan /CSR) ialah 2,754 pohon pokok. Jumlah keseluruhan pokok ditanam di sekitar kawasan Seberang Perai sejak tahun 2008 sehingga Ogos 2016 ialah 65,212.

Orang ramai perlu mengambil inisiatif untuk menanam lebih banyak pokok bagi mengurangkan kesan cuaca panas dan kering yang melanda negara tahun ini. Penanaman pokok-pokok baharu dapat membantu menyerap karbon dioksida dari udara yang akhirnya mengurangkan kesan gas rumah hijau. Selain itu, masyarakat juga perlu memelihara pokok dan memastikan supaya pokok tidak diracun atau dikelar batangnya dengan tujuan untuk membunuh pokok.

OPENING CEREMONY OF TREE PLANTATION PROJECT WITH LION CLUB

Opening ceremony of Tree Plantation Project with Lion Club was held at Jalan Song Ban Kheng/Jalan Binjai Intersection, Taman Sri Rambai on the 18th September 2016. The ceremony was attended by Yang Berhormat Sir Sim Chee Keong and Yang Berbahagia Dato' Alvin Lim Teng Hoo. For your information, this was one of the environmental projects by Tanjung Lion Club. As many as 100 trees will be planted at Jalan Song Ban Kheng. However, only 50 *raintree* will be planted today, and the rest will be planted in October 2016. He also thanked the Penang Forestry Department for contributing 50 *raintree*s. Lion Club is also an active partner of MPSP for the success of environmental programs such as sponsoring (Kindergarten Recycling Award and Sustainable Communities Award 2015). So far, a total number of 10,658 trees were planted since 2008 till 31st August 2013 by MPSP, 51,800 trees by developers, and 2,754 trees by the public (community/CSR Programme). In total, there are 65,212 trees planted around Seberang Perai area since 2008 up until August 2016.

The public need to take initiative to plant more trees in order to reduce the impact of hot weather and dryness that hit our country this year. Only plantation of trees can help to absorb carbon dioxide from the air and eventually alleviate green house effect. Besides that, our community must take good care of the trees and make sure that they are not poisoned or gashed in the purpose of killing the trees.



JCI 'PEACE IS POSSIBLE' CEREMONY



TAKLIMAT PENGASINGAN SISA DI PUNCA PANGSAPURI PERMATA & SEBERANG JAYA SIHAT

Sempena dengan kempen Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, satu program Taklimat Pengasingan Sisa Di Punca & Seberang Jaya Sihat telah diadakan pada 23 September 2016 bertempat di Dewan Pangsapuri Permata, Bandar Perda. Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dr. Afif Bin Bahardin (Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) merangkap ADUN Seberang Jaya.

Sesi taklimat dan penerangan pengasingan sisa di punca telah disampaikan oleh Encik Mohammad Aidil Bin Samsuri, Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPSP. Taklimat yang disampaikan adalah mengenai cara-cara dan kewajiban pelaksanaan dasar tersebut. Program ini secara tidak langsung dapat mendidik para penghuni Pangsapuri Permata khususnya dan masyarakat Seberang Perai secara amnya untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan harian. Dalam program yang sama, MPSP telah menyediakan booth pameran kesedaran mengenai kitar semula manakala pemeriksaan kesihatan percuma disediakan oleh Hospital KPJ.

Antara yang hadir dalam program tersebut adalah YBhg Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Ahli-ahli Majlis MPSP, Pengerusi JKPP Simpang Empat, para pegawai dari MPSP serta penduduk Pangsapuri Permata.



BRIEFING OF SEGREGATION OF WASTE AT SOURCE AT PERMATA APARTMENT & SEBERANG JAYA SIHAT

In conjunction with the Segregation of Waste at Source Policy campaign, a briefing program of Segregation of Waste at Source & Seberang Jaya Sihat was held on 23rd September 2016 at Permata Apartment Hall, Bandar Perda. The opening ceremony was graced by YB Dr. Afif bin Bahardin (President of MMK Agriculture and Agro-Based Industries, Rural Development and Health Committees cum Assemblyman of Seberang Jaya.

The briefing session and explanation on the segregation of waste at source was delivered by Mr. Mohammad Aidil bin Samsuri, Assistant Director of Urban Services Department. Briefing delivered covered methods and obligations of implementing the said policy. This program was able to indirectly educate the society of Seberang Perai, especially residents of Permata Apartment to practice segregation of waste at source in their daily life. In the same program, MPSP has prepared awareness exhibition booths regarding recycling while free health screening was prepared by KPJ Hospital.

Among present at the program were YBhg Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Councillors of MPSP, JKPP President of Simpang Empat, officers from MPSP and residents of Permata Apartment.



MAJLIS PENYERAHAN KOTAK KITAR SEMULA KEPADA SEKOLAH HIJAU DAERAH SPU & SPT



Majlis Penyerahan Kotak Kitar Semula Kepada Sekolah Hijau bagi daerah SPT dan SPU telah diadakan pada 23 September 2016 bertempat di Auditorium MPSP dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP).

Sebanyak 11,735 kotak kitar semula telah diserahkan kepada 80 buah sekolah rendah dan 33 buah sekolah menengah. Kotak-kotak kitar semula ini telah ditaja sepenuhnya oleh Syarikat GS Paper And Packaging Sdn. Bhd. Program ini adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan kutipan barangan kitar semula sekolah dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kadar kitar semula Pulau Pinang dan seterusnya menjaga kualiti alam sekitar.

Turut hadir adalah Encik Ooi Choon Hong (Executive Vice President, GS Paper And Packaging Sdn. Bhd.), Dato' Tan Han Weng (Managing Director Thong Wing Industry & Logistic Sdn. Bhd.), Ahli-ahli Majlis MPSP, para guru serta pelajar sekolah.



CEREMONY OF HANDING RECYCLE BOXES TO GREEN SCHOOLS IN SPU & SPT DISTRICT

Ceremony of Handing Recycle Boxes to Green School in SPT and SPU district has been held on the 23rd September 2016 at MPSP Auditorium, launched by Ybhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP).

As much as 11,735 recycle box have been handed out to 80 primary schools and 33 secondary schools. The recycle boxes were fully sponsored by the company GS Paper and Packaging Sdn. Bhd. This program aimed to help increasing the amount of recyclable items collected in the schools and indirectly increases the recycling rate of Penang State, sustaining our environment quality.



Also present were Mr. Ooi Choon Hong (Executive Vice President, GS Paper and Packaging Sdn. Bhd.), Dato' Tan Han Weng (Managing Director of Thong wing Industry & Logistic Sdn. Bhd.), councillors of MPSP, schools' teachers and students.

FUN RIDE BAGAN 1.0 2016

Fun Ride Bagan 1.0 anjuran Cross World Cycling Club dengan kerjasama MPSP telah diadakan pada 25 September 2016. Sesi pelepasan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). Seramai 300 peserta telah mengambil bahagian di mana mereka akan melalui jarak kayuhan sejauh 30km yang merentasi kawasan sawah, pantai dan jalan raya. Program ini diharap dapat membuka minat masyarakat untuk mengambil bahagian secara aktif dalam mengamalkan cara hidup yang sihat. Antara jemputan yang hadir adalah Encik Alias Bin Wan Chek (Ahli Majlis MPSP) dan Tuan Haji Bakar Bin Nordin (Pengerusi Kelab Basikal Negeri Pulau Pinang).



FUN RIDE BAGAN 1.0 2016

Fun Ride Bagan 1.0 was organized by Cross World Cycling Club with the cooperation of MPSP has been held on the 25th September 2016. The release session was graced by YBhg Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). As many as 300 participants have took part where they will go through riding distance as far as 30km, crossing paddy field, beach and roads. This program was hoped to unleach the society's interest in taking part actively in practicing healthy life style. Among invited guest who attended were Mr. Alias bin Wan Chek (councilors of MPSP) and Sir Haji Bakar bin Nordin (President of Penang Bicycle Club).



MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGUMPULAN KITAR SEMULA TAMAN PEKATRA INDAH SPS

Pusat Pengumpulan Kitar Semula Taman Pekatra Indah SPS telah dirasmikan pada 25 September 2016 oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). Majlis ini turut dihadiri oleh Ahli-ahli Majlis MPSP, Encik Ahmad Rahimi Bin Abu Seman (Pengerusi Jawatankuasa Kerja Kitar Semula Taman Pekatra Indah), Tuan Haji Abdul Razak Bin Salleh (Wakil Komuniti Penduduk Taman Pekatra Indah), pegawai-pegawai dari MPSP serta para penduduk.

Program kitar semula di Taman Pekatra Indah ini bermula atas inisiatif Ahli Majlis MPSP Dr. Tiun Ling Ta dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk taman tersebut dengan mengadakan aktiviti seperti ceramah tentang kitar semula serta perbincangan untuk mewujudkan pusat pengumpulan kitar semula. Dengan adanya pusat pengumpulan kitar semula ini, penduduk Taman Pekatra Indah diharap dapat menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu budaya hidup seharian dan menjadi 'agen perubahan yang positif' dalam menjamin persekitaran yang bersih dan sihat. Dalam program yang sama, sesi penyampaian hadiah bagi Pertandingan Melukis Poster 'Pengasingan Sisa Di Punca' bagi kanak-kanak berumur antara 10 hingga 12 tahun telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPSP.



OPENING CEREMONY OF TAMAN PEKATRA INDAH SPS RECYCLING COLLECTION CENTRE

Recycling Collection Centre of Taman Pekatra Indah SPS has been launched on the 25th September 2016 by YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). The event was attended by councillors of MPSP, Mr. Ahmad Rahimi bin Abu Seman (President of Taman Pekatra Indah Recycling Committee), Sir Haji Abdul Razak bin Salleh (representative of Taman Pekatra Indah Residential Community), officers from MPSP and residents.

The recycling program at Taman Pekatra Indah started out with the initiative of MPSP Councillor, Dr. Tiun Ling Ta with the cooperation from the Residents' Committee of the community by holding activity such as environmental talks and forums to create a recycling collection centre. With the availability of the recycling collection centre, residents of Taman Pekatra Indah are hoped to be able to make segregation-at-source a daily life culture and become "the positive change agent" in ensuring the cleanliness and wellness of the surroundings. In the same program, prize giving session for "Segregation of Waste at Source" Poster Drawing Competition for kids age between 10 to 12 has been presented by Yang Dipertua MPSP.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PENGASINGAN SISA DI PUNCA KADUN SUNGAI DUA

Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca telah disempurnakan oleh YB Tuan Phee Boon Poh (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang Dan Alam Sekitar) pada 1 Oktober 2016 bertempat di Dewan Masyarakat Sungai Dua.

Majlis ini dihadiri oleh YBhg.Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Encik Zahar Bin Zainul (Pegawai Penerangan Negeri Pulau Pinang), Encik Rosli Hassan (Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Dua), Ahli-ahli Majlis MPSP, Ketua - ketua Jabatan, wakil JKKK Sungai Dua serta para penduduk. Dalam program ini sesi taklimat dan penerangan mengenai pengasingan sisa di punca turut diberikan oleh Encik Mohd Naim Bin Mohd Ali (Penolong Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MPSP). Taklimat ini disampaikan kepada wakil setiap JKKK Kadun Sungai Dua mengenai cara-cara dan kewajiban pelaksanaan dasar pengasingan sisa di punca. Dalam majlis yang sama, Ahli Majlis MPSP turut menyumbangkan sangkar besi khas kepada penduduk untuk tujuan pengumpulan barangan kitar semula.

Harapan MPSP semoga program ini secara langsung dapat mendidik masyarakat untuk menjadikan pengasingan sisa di punca sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja hinggalah ke institusi kekeluargaan maka penggembelengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan pengasingan sisa di punca dengan jayanya. Jika warga Seberang Perai dapat mengamalkan pengasingan di punca, ianya akan menjadi satu tunjang utama dalam penjagaan alam sekitar yang lebih lestari dan hijau.



LAUNCHING CEREMONY OF SEGREGATION OF WASTE AT SOURCE PROGRAM AT KADUN SUNGAI DUA

Launching of Segregation of Waste at Source has been graced by YB Sir Phee Boon Poh (Member of the Penang State Executive Council cum President of the Welfare, Caring Society and Environment Committee) on the 1st October 2016 at Sungai Dua Community Hall.

The ceremony was attended by YBhg Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Mr. Zahar bin Zainul (Penang State Information Officer), Mr. Rosli Hassan (Coordinating Officer of Kadun, Sungai Dua), Councillors of MPSP, heads of departments, Sungai Dua JKKK representative and residents. In the program, briefing and explanation session regarding segregation of waste at source was given by Mr. Mohd Naim bin Mohd Ali (Assistant Director of Urban Services Department, MPSP). The briefing was presented to every JKKK representatives of Kadun, Sungai Dua about methods and obligation of implementing the policy of segregating waste at source. In the same event, MPSP Councillors also contributed typical metal cage to the residents for the purpose of collecting recyclable waste.

MPSP hopes that the program will directly educate the community to make segregation of waste at source a daily habit. Starting from work place to family institution then combining the two institutions will certainly make Seberang Perai, as well as Penang, a state that successfully practise waste segregation at source. If the member of Seberang Perai can practise the habit, it will become the key pillar in keeping the environment greener and more everlasting.



KEJOHANAN BOLING SEMPENA SAMBUTAN HARI JADI KE-78 TYT YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG

Kejohanan Boling sempena sambutan harijadi TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2016 yang telah diadakan pada 8/10/2016 di Megalanes Bowling Centre, Megamall Pinang yang dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff.

Kejohanan ini terbuka kepada 2 kategori iaitu kategori VIP dengan 42 penyertaan dan kategori berpasukan dengan penyertaan 36 pasukan dari PBT di negara ini.

Turut hadir ke kejohanan ini adalah Yang Berhormat Dato' Seri Haji Farizan bin Darus , Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Yang Berbahagia Datin Seri Hajah Hamidah bt Mad Daud, Yang Berhormat Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang) , Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto (Ahli Parlimen Batu Kawan) YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP) , Ahli Majlis dan Tuan Setiausaha Perbandaran.



BOWLING TOURNAMENT IN CONJUNCTION WITH TYT YANG DIPERTUA NEGERI PENANG 78th BIRTHDAY CELEBRATION

Bowling Tournament in conjunction with Penang state Yang Dipertua's birthday in 2016 has been held on the 8th October 2016 at Megalanes Bowling Centre, Megamall, Penang. Present that the celebration were Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri and YBhg Toh Madam Dato' Seri Utama Hajah Majimor binti Shariff.

Two categories were opened in the tournament, which were the VIP category with 42 participations and team category with 36 participations from local authorities throughout the country.

Also present were YB Dato' Seri Haji Farizan bin Darus, Penang State Secretary and YBhg. Datin Seri Hajah Hamidah binti Mad Daud, YB Dato' Mohd Rashid bin Hasnon (Deputy Chief Minister of Penang 1), YB Madam Kasthuriraani a/p Patto (member of parliament, Batu Kawan), YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), councillors & Municipal Secretary.

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH KOMUNITI MAMPAN 2016/2017



Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Mampan 2016/2017 telah diadakan pada 30 Oktober 2016 bertempat di Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang, Butterworth. Perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar). Tujuan anugerah ini diadakan adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada inisiatif dan penambahbaikan pencapaian komuniti yang cemerlang dalam menambah baik kualiti alam persekitaran dan kemampunan komuniti.

Program ini adalah kerjasama antara MPSP dengan syarikat Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd. dan Lions Club Bayan Baru. Anugerah ini adalah terbuka kepada semua Persatuan Penduduk yang berdaftar, Rukun Tetangga, Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, Joint Management Body, Management Corporation dan Pusat Alam Sekitar di Seberang Perai. Borang penyertaan boleh diperolehi di laman web www.mpsp.gov.my atau boleh menghubungi Encik Chew Eng Seng ditalian 012-4779330.



LAUNCHING CEREMONY OF SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD 2016/2017

Launching Ceremony of Sustainable Community Award 2016/2017 was held on 30th October 2016 at Taman Bagan Lalang Resource Centre, Butterworth. The launching was graced by YB Sir Phee Boon Poh (Exco of Welfare, Caring Society and Environment). The purpose of this award is to give recognition to initiative and improvement in achieving excellent community in improving the environment's quality and community sustainability.

This program was the collaboration between MPSP, Amphenol TCS (M) Sdn. Bhd and Bayan Baru Lions Club. This award is opened to all registered resident associations, Rukun Tetangga, Safety and Village Development Committee, Joint Management Body, Management Corporation and Environmental at Centre around Seberang Perai. The entry form can be obtained from the website www.mpsp.gov.my or contact Mr. Chew Eng Seng through phone at 012-4779330.

MAJLIS PECAH TANAH NAIKTARAF 'POCKET PARK' LEBUH BENGGALI

Majlis Pecah Tanah Naiktaraf *Pocket Park* Lebuah Benggali, Butterworth telah diadakan pada 9 November 2016 dan dirasmikan oleh YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.



Projek *Pocket Park* Lebuah Benggali ini adalah kolaborasi antara Think City Sdn. Bhd. dengan MPSP dan merupakan salah satu pengisian program di bawah Intervensi Pelan Tindakan Pekan Lama, Pelan Butterworth Baharu. Projek ini menelan perbelanjaan sebanyak RM 200,000 dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2017. *Pocket Park* yang bakal dibina ini turut diterapkan dengan beberapa elemen seperti *Feature Swing*, *Parcouse Equipment*, *Park Bench*, *Feature Play Mound* dan kemudahan *Braille Map*.

Majlis ini turut dihadiri oleh YB Tuan Tanasekharan A/L Autherapady (ADUN Bagan Dalam), YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), Ahli-ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud (Setiausaha Perbandaran) Encik Murali Ram (Pengarah Projek Butterworth Baharu Think City Sdn. Bhd.), ketua-ketua jabatan serta wakil penduduk.

Harapan MPSP dan Kerajaan Negeri semoga kemudahan *Pocket Park* ini dapat memberi manfaat dan meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan hidup kepada penduduk disamping dapat mewujudkan persekitaran yang hijau dan Indah.

GROUNDBREAKING CEREMONY FOR LEBUH BENGGALI 'POCKET PARK' UPGRADE

Groundbreaking Ceremony for Lebuah Benggali 'Pocket Park' Upgrade, Butterworth has been held on 9th November 2016 and launched by YAB Sir Lim Guan Eng (Penang State Chief Minister).

The Lebuah Benggali Pocket Park Project is collaborated between Think City Sdn Bhd and MPSP and it is one of the programs under Intervention of Old Town Action Plan, New Butterworth Plan. This project has consumed budget as much as RM 200,000 and is expected to fully complete by February 2017. The Pocket Park that will be built has been applied with element such as Feature Swing, Parcouse Equipment, Park Bench, Feature Play Mound and Braille Map facility.

The ceremony has also been attended by YB Tuan Tanasekharan a/l Autherapady (Assemblyman, Bagan Dalam), YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP), MPSP councillors, Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Municipal Secretary), Mr. Murali Ram (Director of New Butterworth Project, Think City Sdn. Bhd.), heads of departments and residents's representative.

MPSP and state government hope that the facilities of Pocket Park will benefit by improving health and well-being of the public alongside creating green and beautiful surroundings.



MAJLIS PENUTUP SESI PEMBENTANGAN PROJEK PENYERTAAN RAKYAT "PROJEK KITA"

Majlis Penutup Sesi Pembentangan Projek Penyertaan Rakyat "Projek Kita" telah diadakan pada 13 November 2016 di Dewan Orang Ramai, Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar, SPT yang telah disempurnakan oleh YBhg. Dato Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP).

Program "Projek Kita" merupakan kerjasama PWDC dan MPSP dan ia menggunakan kaedah bajet partisipatori yang menyediakan ruang kepada komuniti untuk merancang dan membentangkan cadangan program dan projek yang dapat memberi manfaat kepada komuniti dengan menggunakan jumlah bajet yang telah diperuntukkan iaitu sebanyak RM20,000.00 dan ia adalah sebagai pemangkin kepada pemberdayaan komuniti untuk menjalankan projek atau program yang diinginkan. Sebanyak 7 kumpulan yang terdiri daripada pelbagai latar belakang gender, umur dan etnik telah membentangkan cadangan program dan projek yang dapat memberi manfaat kepada komuniti.

Turut hadir adalah Yang Berhormat Dr. Afif bin Bahardin (Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), Puan Ong Bee Leng (Ketua Pegawai Eksekutif, Penang Women's Development Corporation (PWDC)), Ahli Majlis-ahli Majlis MPSP, Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP)



COMMUNITY PARTICIPATION PROJECT "PROJEK KITA" PRESENTATION SESSION CLOSING CEREMONY

Closing Ceremony on Presentation Session of Community Participation Project "Projek Kita" has been held on 13th November 2016 at Pangsa PPR Ampangan Public Hall, Ampang Jajar, SPT which was then being graced by YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP).

"Project Kita" Project is collaborated by PWDC and MPSP and is used participatory budgeting approach that provide space for the community to plan and present suggested programme and projects beneficial to the community using the allocated amount of budget as much as RM 20,000 and it is a catalyst to community empowerment to carry out their desired projects and programme. Total of 7 groups were formed from community from all walks of life, gender, age and ethnicity have presented their suggested programme and projects which will benefits the community.

Also present was YB. Dr. Afif bin Bahardin (member of The Penang State Executive Council cum President of Committee of Agriculture & Agro-base Industries, Rural Development and Health), Madam Ong Bee Leng (Chief Executive Officer, Penang Women's Development Corporation (PWDC)), MPSP councillors, Sir Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud (Municipal Secretary, MPSP).



BM CHARITY RIDE 2

BM Charity Ride 2016 ini telah diadakan pada 13 November 2016 bertempat di Kompleks Sukan & Rekreasi Jalan Betek, MPSP. Kayuhan amal ini adalah merupakan penganjuran kali kedua dan melibatkan seramai 1300 orang peserta dari dalam serta luar negara seperti Mexico, India, Thailand dan Perancis.

Tujuan penganjuran kayuhan amal ini adalah untuk menggalakkan konsep kehijauan alam sekitar, amalan kebaktian masyarakat serta mengeratkan hubungan komuniti. Keuntungan dari program ini akan didermakan kepada 13 buah sekolah dan 130 orang pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah.

Antara jemputan yang hadir adalah YB Puan Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti), YB Tuan Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubok), YB Tuan Sim Chee Keong (Ahli Parlimen Bukit Mertajam), YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP) serta wakil-wakil penaja.



BM CHARITY RIDE 2





BM Charity Ride 2016 has been held on the 13th November 2016 at Jalan Betek Sports and Recreation Complex, MPSP. The charity ride has been organized for the second time and involved a number of 1,300 participants from within and outside of the country such as Mexico, India, Thailand and France.

The aim for organizing this charity ride is to encourage the concept of green environment, practicing public services and foster community relationship. Profit gained from this program will be donated to 13 schools and 130 students from low income families.

Among invited guests who attended the event were YB Mdm Chong Eng (Exco of Youth and Sports, Woman, Family and Community Development), YB Sir Lee Khai Loon (Assemblyman, Machang Bubok), YB Sir Sim Chee Keong (member of Parliament, Bukit Mertajam), YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP) and sponsors' representatives.

MPSP Tower Run 2016 merupakan penganjuran kali keempat. Seramai 350 peserta telah mengambil bahagian dalam program ini. Jarak larian ini adalah sejauh 7km dan disempurnakan dengan menaiki tangga sebanyak 412 anak tangga sebelum menamatkan larian. Sebanyak 6 kategori telah dipertandingkan iaitu Men's Open, Women's Open, Men's Veteran, Women's Veteran, Boys' Junior dan Girls' Junior. Penganjuran program ini adalah selaras dengan seruan Kerajaan Negeri untuk membentuk Negeri Pulau Pinang yang lebih bersih, lebih hijau, lebih selamat dan lebih sihat. Disamping itu, penganjuran MPSP Tower Run ini dapat melahirkan masyarakat yang sihat dengan mengamalkan gaya hidup sihat.

MPSP TOWER RUN



MPSP TOWER RUN

MPSP Tower Run 2016 was organized for the forth-time. As many as 350 participants took part in the program. Running distance of 7km had being set and being completed by climbing 412 stairs before reaching the terminal point. There were 6 catagories in the competition, namely Men's Open, Women's Open, Men's Veteran, Woman's Veteran, Boy's Junior and Girl's Junior. The program was organized in consistent with the state government's call for shaping Penang a cleaner, greener, safer and healthier state. In addition, organizing this MPSP Tower Run can cultivate a healthier community by practicing healthy life style.

SEBERANG PERAI INTERNATIONAL CONFERENCE ON ECOTOURISM AND CONSERVATION EFFORTS 2016 (SPICEC 2016)



Seberang Perai International Conference On Ecotourism And Conservations Efforts 2016 (SPICEC 2016) adalah konferen antarabangsa pertama yang dianjurkan oleh MPSP yang memberi tumpuan kepada usaha ekopelancongan yang bertema 'Mainstreaming Nature Conservation through Ecotourism'. Persidangan ini telah diadakan pada 24 - 25 November 2016 di The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang

Objektif persidangan ini adalah untuk mewujudkan ruang kepada peserta industri, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk berkongsi pandangan, idea-idea dan strategi bagi menggalakkan industri eko-pelancongan dan juga pemuliharaan dalam eko-pelancongan.

Pada hari kedua, para peserta telah di bawa ke Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam, Sungai Dua untuk aktiviti 'Bird Watching' dan menikmati flora yang jarang dilihat di dalam hutan tersebut. Mereka juga turut dibawa ke Pasar Bisik Kuala Muda, Kepala Batas bagi melihat aktiviti jualan hasil laut. Pasar ini adalah unik kerana sesi tawar menawar antara para peniaga dan pembeli dilakukan dengan cara berbisik.



Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservations Efforts 2016 (SPICEC 2016) is the first international conference held by MPSP. The conference focused on eco-tourism effort themed "Mainstreaming Nature Conservation through Ecotourism". The conference was held on 24 - 25 Novemver 2016 at The Light Hotel, Seberang Jaya, Penang

The objective of this conference is to create space for industrial participants, government agencies and non-government organizations to share view, ideas and strategies to encourage and preserve eco-tourism industry.

On the second day, all participants were brought to Education Forest of Air Hitam Dalam, Sungai Dua for bird watching activity and to enjoy rare flora in the forest. They were also brought to the Whispering Market of Kuala Muda, Kepala Batas to witness seafood selling activity. The market is unique for the bidding session between seller and buyer is carried out by whispering.

MAJLIS PERASMIAN LALUAN PEJALAN KAKI DAN PROGRAM HEBAHAN DAN KESEDARAN KESELAMATAN PROGRAM BANDAR SELAMAT 2016

Majlis Perasmian Laluan Pejalan Kaki Dan Program Hebahan Dan Kesedaran Keselamatan Program Bandar Selamat 2016 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). Program ini adalah kerjasama antara MPSP dengan PDRM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan perancang Bandar dan Desa (JPBD) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Program ini diadakan bertujuan untuk menyampaikan hebahan dan kesedaran berkaitan aspek-aspek keselamatan dan pencegahan jenayah kepada penduduk tempatan disamping memberikan kesedaran kepada orang awam khususnya komuniti setempat tentang kepentingan mewujudkan suasana tempat tinggal yang selamat dan peranan masyarakat dalam mewujudkan satu komuniti yang aman dan harmoni.

Projek yang diijalankan di Taman Puteri Gunung ialah laluan pejalan kaki dan rel penghadang sepanjang 180m di hadapan Kompleks Sekolah Wawasan. Selain itu, aspek pencahayaan turut dipertingkatkan dengan menambah satu tiang lampu menggunakan peruntukan Ahli Majlis MPSP. Turut diadakan adalah pameran dari agensi kerajaan, pertandingan mewarna bagi kanak-kanak dan cabutan bertuah. Antara yang hadir adalah Dr. Tiun Ling Ta (Ahli Majlis MPSP), Tuan Sr Haji Rozali Bin Haji Mohamud, wakil dari Ibu Pejabat Polis Daerah SPS, wakil komuniti dan penduduk setempat.



LAUNCHING CEREMONY OF WALKWAY AND ANNOUNCEMENT PROGRAMME AND SAFE CITY SAFETY AWARENESS PROGRAMME 2016

Walkway Launching Ceremony and Announcement Programme and Safe City Safety Awareness Programme 2016 has been graced by YBhg. Dato' Maimunah Mohd Sharif (Yang Dipertua MPSP). This program was collaborated by MPSP and PDRM, National Anti Drugs Agency (NADA), Department of Town and Contry Planning (DTCP) and The Social Welfare Department (SWD).

This programme served to deliver announcement and awareness regarding aspects of safety and crime prevention to local residents especially the local community about the importance of creating a safe living environment and the society's role to create a peaceful and harmony community.

The project carried out in Taman Puteri Gunung is the Walkways and a 180-m railings in front of Wawasan School's Complex. Besides that, aspect of illumination has also been improved with addition of one lamp post utilizing allocation MPSP Councillor. Also held was exhibition from government agencies, colouring competition for kids and lucky draw. Among present were Dr. Tiun Ling Ta (MPSP councillor), Sir Sr Haji Rozali Haji Mohamud, representative from SPS District Police Headquarters, community representative and local residents.

KARNIVAL HAIWAN KESAYANGAN 'LOVE YOUR PAWS' SEMPENA CAR FREE MORNING





Majlis Perbandaran Seberang Perai

Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Tel : 04 - 549 7555

Fax : 04 - 538 9700

Email : www.mpsp.gov.my

